

**PERUTUSAN HARI RAYA AIDILFITRI 1443H / 2022M**  
**OLEH**  
**TUAN YANG TERUTAMA YANG DI-PERTUA NEGERI SABAH**  
**TUN DATUK SERI PANGLIMA**  
**(DR) HAJI JUHAR BIN DATUK HAJI MAHIRUDDIN**

**Assalamu'alaikum Warahmatullahi Ta'ala Wabarakatuh,**

***Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walilla  
Hilhamd.***

1. Alhamdulillah, segala puji bagi Allah yang telah mentakdirkan kita berhasil menelusuri bulan Ramadan tahun ini dengan melaksanakan ibadah puasa yang besar fadilat serta ganjarannya. Selawat dan salam ke atas Nabi Muhammad SAW serta ke atas keluarga dan para sahabat baginda.

2. Alhamdulillah, kita baru sahaja selesai melaksanakan kefarduan ibadah puasa di bulan Ramadan. Kini kita meraikan pula hari kemenangan dengan tibanya 1 Syawal yang dinantikan. Mudah-mudahan ketibaan bulan Syawal ini dapat menjadikan kita umat yang lebih baik dan bersyukur, sejajar dengan matlamat pemparduan ibadah puasa iaitu mentransformasi insan muslim menjadi individu yang bertaqwa. Taqwa dalam erti kata tunduk dan akur kepada segala suruhan dan larangan Allah SWT bagi mengupaya jalinan hubungan yang erat dengan Tuhan Rabbal 'Alamin dan hubungan sesama manusia secara harmoni.

### **Kaum Muslimin Yang Dikasihi Allah SWT,**

3. Suara takbir yang bergema memuji kebesaran Ilahi menandakan berakhirnya Ramadan. Takbir yang kita alunkan itu juga melambangkan kesyukuran kita meraih kemenangan melawan pelbagai aneka ragam godaan hawa

nafsu. Sebagai ganjarannya, Allah SWT mengurniakan kepada kita Aidilfitri iaitu suatu hari yang diperuntukkan kepada seluruh umat Islam sebagai lambang kemenangan sekaligus mengembalikan kita kepada keadaan fitrah yakni suci bersih berkat rahmat dan maghfirah Allah SWT.

4. Sehubungan itu marilah kita sambut dan raikan hari yang mulia ini dengan terus memantapkan keimanan dan ketakwaan kepada Allah SWT agar pintu pengurniaan sentiasa melimpah berkatnya serta terhindar daripada pelbagai musibah dan bencana. Hari Lebaran kali ini membawa kita melangkah masuk ke fasa peralihan endemik COVID-19. Dalam fasa peralihan ini, pihak berkuasa telah membenarkan aktiviti rutin sambutan hari raya seperti sembahyang sunat Aidilfitri berjemaah, aktiviti ziarah dan sebagainya dapat kita laksanakan seperti sebelum pandemik COVID-19. Kelonggaran ini tentunya melegakan kita semua kerana ia membolehkan setiap rakyat

menyambut dan meraikan Aidilfitri dengan lebih meriah. Namun begitu, kita hendaklah terus berhati-hati dan mematuhi Prosedur Operasi Standard (SOP) yang masih berkuat kuasa.

***Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walilla Hilhamd!***

5. Bersempena dengan Hari Raya Aidilfitri mulia ini, saya menyeru kepada seluruh warga khususnya umat Islam supaya memanfaatkan ruang dan kesempatan yang ada untuk terus menyuburkan hubungan silaturahim dan memperkukuhkan ukhuwah islamiah melalui amalan tradisi kita seperti aktiviti ziarah antara kaum keluarga, jiran tetangga, rakan taulan sambil bertanya khabar dan bermaaf-maafan antara satu sama lain. Inilah asas pembinaan masyarakat harmoni yang kita kehendaki. Alangkah indahnya keluarga yang sarat rasa hormat dan kasih sayang,

menjadi tunjang perpaduan yang natijahnya menguatkan kesatuan ummah.

6. Dalam masa yang sama, kita semarakkan semangat mahabbah dan berkasih sayang dalam masyarakat dengan berkongsi kemeriahan dan kegembiraan di bulan Syawal ini bersama golongan masyarakat yang kurang bernasib baik. Golongan fakir, miskin, anak-anak yatim dan mereka yang terkesan musibah sebelum ini hendaklah kita santuni dengan amalan sedekah, wakaf dan khidmat bakti.

7. Amalan mulia ini bukan sahaja dapat meringankan bebanan hidup yang mereka deritai, malah ia juga berupaya merapatkan jurang perbezaan sosial sekaligus mengeratkan lagi tali silaturahim antara golongan berada dengan golongan yang kurang berkemampuan. Sifat cakna kepada golongan marhaen berpotensi menjana budaya masyarakat

penyayang di kalangan rakyat berbilang kaum di negeri kita ini.

8. Nilai mulia serupa ini sangat penting. Dalam negara yang mempunyai masyarakat majmuk dengan kepelbagaian bangsa, budaya dan anutan agama, sudah pasti mencari kesejahteraan hidup bermasyarakat menjadi tunjang utama negara kita. Kehidupan tanpa hubungan baik sesama kita akan membawa kepada ketidakstabilan dalam sistem sosial, politik mahupun ekonomi. Oleh yang demikian, setiap pihak perlu mempunyai sikap integrasi yang positif, progresif dan responsif.

***Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walilla Hilhamd!***

9. Dalam kegembiraan kita merayakan Aidilfitri mulia ini, suka juga saya mengingatkan agar setiap lapisan rakyat

tidak terlalu leka sehingga aspek keselamatan dan kesihatan terabai. Walau di mana dan apapun aktiviti yang dilakukan, kedua-dua aspek ini perlu diberikan perhatian dan diambil berat sewajarnya. Apa jua perbuatan atau perkara yang berpotensi mengundang musibah perlu dielakkan. Ini termasuklah semasa berada di jalan raya yang merupakan antara lokasi sering berlakunya kemalangan. Berhati-hati dan berhemahlah semasa memandu, agar perkara yang tidak diingini dapat dihindari.

### **Saudara Saudari Yang Dihormati,**

10. Saya juga turut menyeru agar kita tidak melupakan jasa dan pengorbanan anggota semua cabang pasukan keselamatan. Mereka telah mencurahkan khidmat setia tanpa berbelah bahagi dalam menjaga dan memelihara keselamatan rakyat dan negara tanpa mengira situasi dan kondisi. Kenangi dan hargailah bakti yang mereka

sumbangkan kepada warga dan negara. Rafakkanlah doa ke hadirat illahi, agar mereka sentiasa berada dalam naungan rahmat dan hidayah-Nya serta dianugerahkan keafiatan, keselamatan, kekuatan seterusnya kejayaan dalam melaksanakan misi memikul amanah agama, bangsa dan negara. Sesungguhnya, kejayaan kita beralih ke fasa peralihan endemik COVID-19 ini adalah berkat kerjasama semua pihak dalam mengekang penularan virus COVID-19 yang berbahaya itu.

***Allahu Akbar, Allahu Akbar, Allahu Akbar, Walilla Hilhamd!***

11. Menyimpul bicara, saya bagi pihak seluruh keluarga turut mengambil kesempatan ini untuk mengucapkan **Selamat Hari Raya Aidilfitri, Maaf Zahir dan Batin** kepada seluruh umat Islam khususnya dan rakyat amnya. Saya doakan agar hari raya Aidilfitri tahun ini lebih bermakna dan



meriah lagi seterusnya dapat mengukuhkan ukhuwah dan perpaduan masyarakat.

Sekian.

***Wabillahi Taufik Wal Hidayah, Wassalamu 'alaikum  
Warahmatullahi Ta'ala Wa Barakatuh.***